

Bencana Banjir di Pulau Pinang

ZAHIDHAMIDI.COM

November 10, 2017

Banjir di Pulau Pinang kali ini menjadi banjir terburuk sejak 20 tahun lalu. Sedia maklum punca yang dikenal pasti ianya berlaku adalah akibat hujan yang lebat serta air pasang. Hampir keseluruhan Pulau Pinang terjejas akibat banjir dengan beberapa kawasan ditenggelami air antara 0.2 dan satu meter, diikuti angin kencang dan hujan lebat sejak pukul 2 petang Khamis yang turut menyebabkan kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang serta kesesakan lalu lintas luar biasa di negeri ini. Antara kawasan yang terjejas teruk di Seberang Perai Utara ialah Sungai Dua, Nyior Sebatang, Lahar Yooi dan Desa Murni manakala di Seberang Perai Tengah ialah Kampung Tanjung Putus dan Permatang Tinggi. Bercerita tentang jam 3.34 pagi Ahad yang lalu, saya telah menerima panggilan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng berhubung keadaan banjir di Pulau Pinang. Saya segera mengarahkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk melaksanakan operasi menyelamatkan dan menggunakan Polis serta Tentera untuk membantu operasi bencana banjir di sana. Selain MKN usaha koordinasi serta bantuan juga membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Badan bukan kerajaan (NGO), Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta NADMA (Agensi Pengurusan Bencana Negara) dan kita mengambil tindakan segera yang sedang diterjemahkan dengan memberi bantuan kepada mangsa bencana banjir.



Kerajaan mengenal pasti sistem amaran awal bencana berpandukan ramalan cuaca di Malaysia perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk mengelak risiko kerugian harta benda dan kehilangan nyawa. Penggunaan sistem amaran awal itu penting supaya mangsa di lokasi berisiko dapat dipindahkan sekurang-kurangnya tiga hari lebih awal daripada jangkakan bencana berlaku. Apabila maklumat awal kepada orang ramai dari segi ramalan cuaca sampai kepada kawasan berisiko bencana, berdasarkan pengalaman kita sudah tentukan pemindahan harus dilakukan selewat-lewatnya tiga hari sebelum air naik. Kajian yang dilakukan secara saintifik oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Meteorologi, Jabatan Laut dan Institut Kajian Hidraulik Kebangsaan untuk mengumpul data dan merancang tambatan banjir di seluruh negara. Jika pendekatan ini dapat dipatuhi, maka bukan hanya kesiapsiagaan memindahkan mangsa dapat dijamin, malah bantuan yang sewajarnya juga dapat dikoordinasi dengan tepat dan selamat. Banyak isu dapat diatasi jika penambahbaikan di pusat pemindahan menerima makluman lebih awal, mengenai kekurangan beberapa peralatan seperti selimut dan bantal.

Disini saya ingin menegaskan segala bantuan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mangsa ribut dan banjir di Pulau Pinang adalah menggunakan peruntukan NADMA. Walaupun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Pulau Pinang berbeza fahaman politik,

perkara itu tidak menjadi isu dalam perkara menerima bantuan ini, lebih-lebih lagi parti Barisan Nasional (BN) sentiasa mementingkan kebajikan rakyat seluruh Malaysia. Di mana pun bencana alam berlaku, mangsanya tidak mengenal parti politik sama ada parti kerajaan mahupun pembangkang, malah mereka ini seharusnya dibantu. Inilah komited kami dalam melakukan tugas. Tegas disini, Ia bukan hanya membabitkan bantuan kewangan segera menggunakan bajet NADMA yang saya pengerusikan, malah turut membabitkan bantuan makanan dan keperluan logistik yang berkaitan.

Bagi pelajar yang menduduki SPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang akan memastikan semua calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terbabit dalam bencana banjir tidak tercicir daripada menduduki peperiksaan itu. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar yang menduduki SPM.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/bencana-banjir-di-pulau-pinang/>